



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**30 SEPTEMBER 2018 (AHAD)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Dakwa MPAJ tarik balik pusat pentadbiran kelab, MCC kecewa 22



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**30 SEPTEMBER 2018 (AHAD)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Dakwa MPAJ tarik balik pusat pentadbiran kelab, MCC kecewa
Muka Surat	22

**Dakwa MPAJ tarik balik pusat pentadbiran kelab, MCC kecewa**

SINAR HARIAN 30/9/18 M/S 22



Pusat pentadbiran MCC yang menjadi lokasi pertemuan ahlinya untuk perbincangan penganjuran program.

AMPANG - Seramai 100 ahli Kelab Basikal Komuniti Ampang (MCC) MPAJ terkilan selepas Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang didakwa muahu menarik balik pusat pentadbiran MCC di Taman Chem-paka.

Timbalan Pengurusnya, Kamarudin Abdul Karim berkata, pihaknya terkejut dengan tindakan itu.

Menurut Kamarudin, pusat pentadbiran itu adalah lokasi berkumpul ahli MCC.

"Seminggu sekali kita akan berkumpul dan berbincang secara santai bersama ahli mengenai aktiviti. Kita sering mengajukan aktiviti basikal di kawasan MPAJ, malah turut mengharumkan nama PBT ini di negeri lain," katanya.

Beliau berkata, kelab itu menerima surat daripada MPAJ pada 13 September lalu yang memaklumkan penggunaan secara bersama MCC dengan Jawatankuasa Penduduk Zon 15 terpaksa disemak dan ditarik balik.

"MCC sedia berbincang dengan

MPAJ mengenai isu ini. Kita juga sudi menggunakan pusat pentadbiran ini dengan Ahli Majlis MPAJ yang baharu. Jika MCC diarah keluar, maka aktiviti kelab ini akan menjadi lumpuh, kita terpaksa berkumpul di kedai makan saja," katanya.

Turut hadir, Bendahari, Shahruznizam Anwa, Ahli Jawatankuasa Logistik, Ahmad Fauzi Kamis dan

Ahli Jawatankuasa Keahlian, Edmund Woon.

Sementara itu, Ahmad Fauzi yang juga bekas Ahli Majlis MPAJ mendakwa, tapak pusat pentadbiran MCC pada asalnya kawasan terbiasa dan pernah menerima aduan mengenai berlaku gejala sosial di situ, sebelum ini.

"Saya membuat keputusan

membersihkan kawasan ini serta dijadikan pusat pentadbiran MCC serta dikongsikan bersama dengan pejabat saya selaku ahli majlis pada ketika itu," katanya.

Ahmad Fauzi berkata, MCC berharap MPAJ mugekalkan keputusan sebelum ini agar tempat ini digunakan pakai secara bersama.

"Jika kami tidak dibenarkan ber-

ada di lokasi itu, kita harap MPAJ mencadangkan tapak ganti tetapi bukan dewan selain tidak mampu menyewa pejabat," katanya.

"Kelab basikal ini kecil, kita berkumpul bersama di pejabat itu untuk berkongsi hobi dengan pemain basikal lain, malah kelab ini tidak menjana sebarang keuntungan," katanya.